

Headline	Perbezaan pendapat cetus konflik politik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Dec 2015	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	347 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 11,961	PR Value	RM 35,884



# Perbezaan pendapat cetus konflik politik

## Pertikaian dianggap amalan biasa



MIOR KAMARUL SHAHID  
miorkamarul@gmail.com

Politik penuh dengan konflik dan pergolakan. Tidak ada parti politik, tanpa mengira apa juga bentuk falsafah, perjuangan dan ideologinya, boleh mendakwa ia bebas sebarang pertikaian. Parti politik yang tidak menempuh sebarang dugaan, tidak mempunyai pengalaman dalam perjuangan. Dalam kebanyakan hal, konflik boleh dikelompokkan mengikut beberapa kategori utama.

Antaranya ialah konflik di antara parti politik berbeza matlamat dan ideologi yang biasanya membabitkan parti pemerintah dan pembangkang. Di Malaysia, pertikaian pendapat dan perdebatan di antara parti pemerintah yang membentuk Barisan Nasional (BN) dan pembangkang, sering berlaku di Parlimen dan dilanjutkan di luar Parlimen sehinggalah di warung kopi.

Pertikaian BN dan pembangkang boleh dikatakan berlaku sepanjang tahun dan menjadi lebih hebat menjelang pilihan raya kecil dan kemuncaknya pilihan raya umum.

Konflik sering berlaku membabitkan parti politik yang membentuk gabungan dalam pakatan.

BN yang mempunyai 14 parti komponen tidak terkecuali daripada menghadapi konflik seperti ini. Pakatan pembangkang yang hanya mempunyai tiga

parti bergabung pun, terpaksa menghadapi konflik berpanjangan disebabkan perbezaan pendapat begitu ketara, ibarat langit dan bumi.

Konflik terbaru membabitkan parti pembangkang ialah apabila PAS dan DAP tidak boleh lagi bertentang mata berikutan tindakan tegas PAS mahu melaksanakan hukum hudud dan akhirnya meninggalkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP. PAS juga baru sahaja menghadapi konflik yang menyebabkan sebahagian pemimpin utama dan ahli parti itu menubuhkan sebuah parti baharu berikutan keceramukan dalaman dalam parti itu.

### Pendekatan berbeza

Konflik dalam pakatan pembangkang itu belum berakhir, malah akan berterusan dan membahang semula, terutama menjelang pilihan raya umum akan datang. Umumnya, konflik politik berpunca daripada perbezaan pendapat dan pendekatan pemimpin, biasanya dicituskan oleh pemimpin dengan alasan tersendiri. Namun, konflik dalam parti diterima sebagai amalan biasa dalam politik, khasnya dalam sistem demokrasi. Bak kata pepatah, jika takut bermain ombak, jangan berumah di tepi pantai.

Dalam sistem politik di Malaysia, sebarang pertikaian dibincang mengikut peringkatnya, dari mesyuarat cawangan sehinggalah ke peringkat tertinggi, iaitu mesyuarat agung atau perhimpunan agung tahunan parti. Dalam mesyuarat seperti ini, isu yang dianggap penting kepada parti atau jika membabitkan kepentingan negara, dibangkitkan secara terbuka.

### Sukar ukur prestasi pemimpin

Prestasi seseorang pemimpin sukar diukur sebagaimana mengukur prestasi seseorang menteri. Seseorang menteri mempunyai Indeks Prestasi Utama (KPI) bertulis masing-masing, tetapi tidak kepada seseorang yang memegang jawatan politik. KPI seseorang menteri

boleh dilihat dari segi kejayaan menadbirkan Kementerian, bergantung kepada fungsi Kementerian berkenaan. Contohnya, jika seseorang menteri itu mentadbir hal ehwal pengguna, kejayaannya boleh diukur berhubung kawalan harga barang.

Begitu juga dengan KPI bagi semua menteri dan pegawai serta kakitangannya, boleh diukur berasaskan fungsi dan tugas mereka.

Dari serendah-rendah kakitangan hingga kepada menteri, masing-masing mempunyai KPI. Bolehkah pemimpin politik diukur dengan KPI? Setiap pemimpin di peringkat cawangan atau bahagian dan sayap parti sepatutnya mempunyai KPI masing-masing.

KPI mereka disalurkan terus ke peringkat atasan hinggalah ke peringkat Majlis Tertinggi (MT). Jika KPI seseorang pemimpin itu ditetapkan untuk menambah ahli baru parti, menggalakkan kemasukan generasi muda ke dalam parti atau menambah bilangan pengundi baharu, ia mestilah dilakukan berasaskan kepada KPI ditetapkan kepada mereka.

KPI juga perlu ada bagi setiap pemimpin. Jika di kalangan mereka ditugaskan untuk menguruskan sesuatu, ia perlu dijadikan KPI baginya.

KPI ini mestilah bertulis dan mempunyai rekod supaya tidak menimbulkan prasangka. Dengan ada garis panduan ukuran kejayaan seperti ini, urusan pentadbiran parti lebih teratur. Cuma, dalam politik, ada perkara boleh dilakukan untuk pengetahuan umum dan ada juga yang perlu dirahsiakan atas sebab tertentu.

Dalam konteks sistem politik di Malaysia, setiap parti mengambil kira kepentingan kaum masing-masing. UMNO perlu memberi keutamaan kepada orang Melayu dan Bumiputera, MCA mengambil kira kepentingan kaum Cina, MIC pula memperjuangkan hak kaum India, begitu juga parti berasaskan etnik di Sabah dan Sarawak. Ini adalah antara ciri-ciri perbezaan kepelbagaian dalam sistem politik di Ma-

Headline	Perbezaan pendapat cetus konflik politik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Dec 2015	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	347 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 11,961	PR Value	RM 35,884

laysia.

 **Penulis**  
ialah Felo Universiti Utara Malaysia (UUM)